



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM KEMBARA KERJAYA MADANI SPA X SEMARAK ESSCOM X MYFUTUREJOBS@KUDAT DAN PULAU BANGGI TAHUN 2025

KUDAT, 27 April 2025 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan kerjasama Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Pejabat Daerah Kudat dan Pejabat Daerah Kecil Pulau Banggi telah menganjurkan Program Kembara Kerjaya MADANI SPA X Semarak ESSCOM X MYFutureJobs@Kudat dan Pulau Banggi pada 26 dan 27 April 2025.

Program yang berlangsung selama dua hari ini bermula di Dewan Tun Mustapha semalam dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Banggi pada hari ini melibatkan pelbagai pengisian seperti perkhidmatan konsultasi SPA berkaitan pengambilan ke perkhidmatan awam, kesesuaian jawatan yang dimohon, semakan status permohonan dan pendaftaran melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) serta inisiatif MyFutureJobs. Selain itu, turut diadakan sesi perkongsian Tips Temu Duga oleh Ahli Suruhanjaya serta taklimat keselamatan dan kerjaya oleh ESCOMM dan PERKESO.

Dengan kehadiran pengunjung melebihi sasaran lebih 3,000 orang, sebanyak 37 penyertaan daripada kementerian, jabatan, agensi dan majikan swasta terlibat dalam program ini seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (SPANS), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), GIATMARA, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Koko Malaysia dan pelbagai lagi. Program turut dimeriahkan dengan Jualan Rahmah MADANI oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan kaunter pemeriksaan kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

Program ini menjadi titik tolak penting dalam usaha menyantuni masyarakat luar bandar dengan membawa perkhidmatan SPA terus kepada rakyat bagi pemohon pekerjaan dalam sektor awam dan juga dengan akses kepada sektor swasta, menjadikan pendekatan ini lebih inklusif dan menyeluruh. Malah, buat julung kalinya masyarakat di Pulau Banggi turut diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pegawai-pegawai dari SPA serta mendapatkan maklumat berkenaan peluang dan cara memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi SPA dalam ucapannya menyatakan bahawa pendekatan turun padang ini membuktikan komitmen SPA dalam memastikan prospek kerjaya dalam sektor awam dapat diakses secara saksama oleh seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira lokasi atau latar belakang. Program Kembara Kerjaya ini merupakan usaha SPA mendekati anak-anak muda khususnya pencari kerja di sekitar kawasan Kudat dan Pulau Banggi dalam memberi penerangan mengenai permohonan dan proses yang akan dilalui oleh pemohon dalam usaha mencungkil bakat terbaik negara.

Beliau turut menekankan bahawa kolaborasi strategik antara SPA, ESSCOM dan PERKESO bukan sahaja memperluas impak program, malah memperkukuh usaha meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat di kawasan luar bandar, khususnya dalam Zon Selamat Pantai Timur Sabah (ESSZONE). Program ini turut mendapat sokongan padu daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah yang membantu menyelaraskan pelaksanaan di pelbagai peringkat.

Pelantikan calon dari negeri Sabah telah mencatatkan bilangan tertinggi di Malaysia pada tahun 2024 iaitu sebanyak 13.1% (2,866 orang) daripada jumlah keseluruhan pelantikan tetap dan kontrak Interim (21,814 orang). Manakala bilangan permohonan turut meningkat pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 iaitu seramai 171,531 orang kepada 173,025 orang. Pencapaian ini merupakan salah satu manifestasi kerajaan Madani yang telah menunjukkan hasil signifikan daripada program menyantuni rakyat seperti hari kerjaya dan kembara kerjaya.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Jamaluddin bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif ESSCOM, YBhg. Datuk Hj. Raisin bin Saidin, Pengarah Pendidikan Negeri

Sabah, YBrs. Puan Salwati binti Abd Karim, Timbalan Pengarah PERKESO Sabah, YBrs. Tuan Charles William Dabbi, Pegawai Daerah Kudat dan YBrs. Tuan Jaslee bin Jaafar, Penolong Pegawai Daerah Kecil Banggi.

SPA juga merancang untuk memperluas program seumpama ini ke beberapa daerah lain di luar bandar sebagai langkah proaktif mendekati masyarakat yang sebelum ini kurang mendapat capaian kepada maklumat mengenai perkhidmatan awam.

Program Kembara Kerjaya MADANI SPA X Semarak ESSCOM X MYFutureJobs@Kudat dan Pulau Banggi ini merupakan kesinambungan program kembara kerjaya yang telah dilaksanakan oleh SPA di negeri Sabah sepanjang tahun 2024 meliputi kawasan Tambunan, Telupid, Sandakan, Sukau dan Semporna.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
27 APRIL 2025